

Seni Penjilidan Manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713

The Art of Binding the Hikayat Hang Tuah MSS 1713 Manuscript

AZLINI ANUAR TAN*, HANIFAH MAHAT & ZULISKANDAR RAMLI

Received: 7 June 2024 /Accepted: 7 February 2025

ABSTRAK

Manuskrip Melayu Melaka ialah karya sastera Melayu tradisional yang menggambarkan kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka serta perkembangan linguistik dan seni Islam di Alam Melayu. Artikel membincangkan tentang isu-isu mengenai asas konsep ilmu kemahiran dan klasifikasi mengikut manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 daripada koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, menerusi analisis kodikologi. Manuskrip ini mempunyai hiasan kulit buku, ragam hias, dan kolofon seperti manuskrip al-Quran Melayu. Berdasarkan analisis kandungan kaedah, terdapat tiga aspek penting iaitu fokus artikel ini ialah mengenal pasti pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku, istilah penjilidan dan pada dalaman folio, seni ragam hias dalam manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713. Kajian menggunakan kaedah kodikologi untuk menganalisis pembuatan manuskrip secara fizikal, termasuk reka bentuk kulit luar dan dalam, istilah penjilidan, dan ragam hias. Data diperoleh melalui pemerhatian dan analisis kualitatif manuskrip. Dapatan menunjukkan persamaan jenis penjilidan dan pola reka bentuk dalam koleksi kulit merah dari tempatan dan Nusantara. Hasil dapatan kajian dapat mencungkil kesenian, intelektual dan kearifan lokal yang dimiliki dari kegemilangan tamadun dari dinasti Islam. Kajian ini penting untuk mendedahkan pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku, istilah penjilidan dan pada dalaman folio, seni ragam hias manuskrip. Melalui pendedahan kajian ini, dapat menunjukkan sumbangan berharga daripada masyarakat terdahulu untuk generasi kini dan masa depan dalam bidang teknologi hiasan seni manuskrip Melayu. Dengan memahami konsep ilmu kemahiran dan klasifikasi pengetahuan, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada para pengkaji seni manuskrip untuk mengenal pasti keaslian manuskrip dan memperihalkan mengenai pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku, istilah penjilidan dan pada dalaman folio, seni ragam hias dalam penghasilan manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713.

Kata kunci: Pola Reka Bentuk; Manuskrip; Kodikologi; Ragam Hias; Penjilidan

ABSTRACT

The Malacca Malay Manuscript is a traditional Malay literary work that describes the glory of the Malacca Malay kingdom, as well as the evolution of Islamic linguistics and art in the Malay world. The article discusses issues related to the fundamental concept of skill knowledge and classification according to the Hikayat Hang Tuah MSS 1713 manuscript from the collection of the National Library of Malaysia, through codicological analysis. Similar to Malay Quran manuscripts, this manuscript features book cover decoration, ornaments, and colophons. Based on the method's content analysis, three important aspects are identified as the focus of this article: the design pattern of the external decoration of the book cover, binding terms, and decorative arts on the inside of the folio in the Hikayat Hang Tuah MSS1713 manuscript. The study employs codicological methods to examine the physical construction of manuscripts, such as the design of the outer and inner covers, binding terminology, and decorative styles. The data was obtained by observation and qualitative analysis of the manuscript. The findings reveal similarities in binding types and design patterns in red leather collections from the local and Nusantara. The results of the study can reveal the arts, intellectuals, and local wisdom associated with the glory of civilization during the Islamic dynasty. This research is significant in revealing the design pattern of the external decoration of the book cover, the binding terms, and the decorative arts of manuscripts on the interior of the folios. Through the exposure of this study, it is possible to show the valuable contribution from the previous community to the present and future generations in the field of Malay manuscript art decoration technology. Researchers studying manuscript art can also benefit from this study by better understanding the concept of skills and knowledge classification. This will help them identify the authenticity of manuscripts and describe the pattern of decorative design on the outside of book covers, binding terms, and on the inside of the folio, decorative arts in the production of Hikayat manuscripts Hang Tuah MSS 1713.

Keywords: Design Patterns; Manuscripts; Codicology; Decorative Styles; Binding

PENGENALAN

Walaupun sejarah telah memberi petunjuk tentang sumber sejarah manuskrip dalam bentuk asal ciri-ciri manuskrip namun, penyelidikan dalam aspek fizikal dan sejarah manuskrip dalam bidang kodikologi masih kurang seperti pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku, istilah penjilidan dan pada dalaman folio, seni ragam hias. Kajian kodikologi ini memberi peranan utama untuk meneroka bukti bagi memahami sesuatu peristiwa yang berlaku dan memberi maklumat tinggalan kebudayaan manusia yang telah berlaku. Keindahan floral menjadi tema visual utama bagi seni ragam hias yang dilakar dalam manuskrip di Alam Melayu. Kebiasaan manuskrip Melayu yang ditulis dalam penulisan jawi mempunyai hiasan di beberapa halaman seperti *frontispiece* (bahagian depan), *finispiece* (bahagian akhir) dan *single opening page* (halaman pembukaan tunggal) untuk menunjukkan impak yang besar dan juga bahagian yang penting pada sesuatu karya penulisan tersebut. Selain daripada itu, setiap hiasan yang dilukis memberikan maksud yang tersirat dan tersurat. Dalam masa yang sama, seni ragam hias yang dilukis ini juga mempengaruhi nilai-nilai kehidupan dan serapan budaya masyarakat setempat.

Berbicarakan tentang artistik, sejarah telah merungkai kebijaksanaan dan kearifan orang-orang Melayu terdahulu yang mempunyai bakat dalam seni bina manuskrip dan seni ragam hias dengan menjadikan kemahiran dan kepakaran teknologi disegani, namun melihat situasi kemahiran ilmu teknologi ini tidak diwarisi, kini wujudnya perubahan di mana pihak pengkaji mula melihat kepentingan manuskrip sebagai satu warisan yang bernilai tinggi. Manuskrip ini perlu dikaji bagi menunjukkan elemen yang berkait dengan sumber alam semula jadi, adat, simbolik, identiti, teknologi, intelektual dan kearifan masyarakat terdahulu. Salah satu keunikan, kemewahan dan kecantikan yang ditonjolkan dalam manuskrip lama, iaitu pada bahagian pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku dan dalaman folio, seni ragam hias bagi manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713.

Salah satu keunikan, kemewahan dan kecantikan seni hias luaran kulit buku dan dalaman folio, seni ragam hias yang ditunjukkan di dalam manuskrip lama adalah manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 yang disimpan dalam jagaan Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur merupakan antara khazanah artifak berharga dan sebagai Warisan Dunia UNESCO serta berdaftar ke dalam Daftar Ingatan Dunia (*Memory of the World Register*) pada tahun 2001. Pada peringkat kajian awal ini manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 ini akan dilihat dari segi kaedah kodikologi. Semasa manuskrip ini dijumpai ia sudah menjalani prosedur pemuliharaan. Sebelum baik pulih manuskrip dijalankan, kondisi fizikal manuskrip hikayat ini ditemukan dalam beberapa faktor, iaitu kesan usia kelihatan uzur, cara jagaan oleh pemilik asal dalam keadaan tidak teratur dan tercerai dari kuras dan jilidnya dan kerosakan pada folio seperti kereputan disebabkan *iron gall* dan masalah serangan ulat buku, iaitu *bookworm* dan *silverfish* yang terdapat pada helaian folio (Perpustakaan Negara Malaysia, 2019).

Manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 ini adalah suatu catatan penulisan bagi para ilmuwan yang dikumpulkan dalam bentuk naskhah yang bertulisan tangan dalam aksara jawi pada tahun 1865 Masihi. Ia juga merupakan suatu karya yang dianggap sebagai sastera Melayu tradisional. Menurut Muhd Norizam (2023) bentuk kesusasteraan Melayu berubah daripada medium lisan kepada tulisan melalui pengenalan aksara jawi. Ilmu yang terakam dalam manuskrip ini merangkumi seni reka bentuk penjilidan manuskrip Melayu. Hikayat manuskrip ini merupakan hasil kreativiti seni hias yang dikraf secara teliti, tulus dan mewah yang dihasilkan melalui gabungan antara kecekapan, kemahiran hasil kerja kaligrafi, pengarang dan artisan yang berbakat. Kehilangan artisan-artisan hebat menyebabkan kemahiran penjilidan gagal diwarisi oleh artisan

sekarang. Analisis terperinci ke atas pelbagai aspek penting manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 yang mendedahkan teknikal yang kemewahan dan keistimewaan yang dihasilkan oleh masyarakat di Alam Melayu, khususnya pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku, istilah penjilidan dan pada dalaman folio, seni ragam hias. Kajian ini akan memperlihatkan hiasan reka bentuk luaran kulit buku dan pengaruh alam flora dalam penghasilan motif seni ragam hias sebagai seni dan warisan pertukangan Melayu.

Kini tradisi seni pertukangan manuskrip sudah lama pupus. Berdasarkan ilmu kepakaran tentang pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku, istilah penjilidan dan pada dalaman folio, seni ragam hias sudah lama terancam. Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kodikologi ini, dapat memberi gambaran fizikal dan sejarah dari segi penampilan luaran kulit buku, penjilidan, istilah dan dalaman folio, seni ragam hias. Oleh itu, dengan adanya kajian ini dapat memelihara warisan budaya supaya aspek warisan budaya ini tidak hilang ditelan arus zaman. Menurut Shahidi (2022) Warisan Ketara (*Tangible Heritage*) merujuk kepada sesuatu yang kekal dilihat, dapat dipegang, bersifat sama ada statik atau mudah alih. Secara umumnya, merujuk kepada sesuatu yang tidak boleh dipindah atau diangkat seperti tapak tanah, monumen atau bangunan manakala, mudah alih pula merupakan golongan artifak dari bahan budaya yang ringan dan mudah dipindahkan seperti batu nisan, tekstil, ukiran kayu dan manuskrip.

Justeru, analisis terperinci ke atas pelbagai aspek penting manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 yang mendedahkan teknikal yang kemewahan dan keistimewaan yang dihasilkan oleh masyarakat di Alam Melayu, khususnya pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku dan dalaman folio, seni ragam hias. Kajian ini juga menunjukkan tahap pengetahuan Islam dari pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku, istilah penjilidan dan dalaman folio, seni ragam hias yang memainkan peranan penting dalam seni manuskrip yang kelihatan memiliki keunikan tersendiri.

Pendekatan yang dibuat dalam menggunakan kaedah kodikologi ini, dapat memberi gambaran fizikal dari segi penampilan awal manuskrip yang diterima oleh pihak pustakawan. Selain itu, melalui kaedah ini dapat menunjukkan tentang agama, budaya, ilmu teknologi, sumber bahan yang digunakan dalam menghasilkan manuskrip menerusi kearifan masyarakat setempat. Menurut Shahidi (2022) budaya adalah amalan harian atau kebiasaan sesebuah masyarakat yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan misalnya, kepercayaan, budaya sosial, variasi bahasa percakapan, serta amalan hidup. Berdasarkan pendapat Shahidi, menyatakan budaya adalah satu amalan harian yang menjadi kebiasaan masyarakat, melalui penghasilan manuskrip dapat dijadikan satu alat komunikasi antara budaya yang berinteraksi sosial persekitaran. Menurut Siti Noor Hafizah (2022), penulisan sejarah lokal bukan hanya tertumpu kepada wilayah dan komuniti lokal di kawasan tertentu, tetapi juga atas kesedaran wujudnya pergerakan dan tekanan-tekanan tertentu di sebalik pembangunan masyarakat di sesebuah wilayah atau kawasan. Berdasarkan pendapat Siti Noor Hafizah, menyatakan bahawa penulisan dari pendekatan sejarah tempatan yang melibatkan pelbagai etnik dan masyarakat amat penting kepada naratif sejarah untuk sesebuah tamadun.

Manakala Siti Noor (2022) menyatakan bahawa aspek persekitaran semula jadi juga termasuk dalam tema dalam seni hias dalam penjilidan. Bahan-bahan yang digunakan dalam penghasilan manuskrip daripada alam semula jadi fauna dan flora. Berdasarkan pendapat Siti Noor, menyatakan bahawa aspek persekitaran memberi peranan penting dalam penghasilan manuskrip yang dapat memberi maklumat sejarah lokal dan aspek persekitaran ini juga digunakan dalam kajian pemeliharaan warisan budaya supaya aspek warisan budaya ini tidak hilang ditelan arus zaman.

Oleh itu, manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 ini adalah suatu catatan penulisan bagi para ilmuwan yang dikumpulkan dalam bentuk naskhah yang bertulisan tangan dalam aksara jawi pada tahun 1865 Masihi. Ia juga merupakan suatu karya yang dianggap sebagai sastera Melayu tradisional. Ilmu yang terakam dalam manuskrip ini merangkumi seni pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku dan dalaman folio, seni ragam hias dalam penjilidan manuskrip Melayu. Hikayat manuskrip ini merupakan hasil kreativiti seni penjilidan yang dihasilkan secara teliti, tulus dan mewah melalui gabungan antara kecekapan, kemahiran hasil kerja kaligrafi, pengarang dan artisan yang berbakat. Justeru kajian ini ingin meneliti tiga aspek pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku, istilah penjilidan dan pada dalaman folio, seni ragam hias.

KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur ini bertujuan mengkaji tentang manuskrip Melayu oleh sarjana semakin berkembang dan menumpukan kepada jenis penjilidan, jenis disiplin manuskrip dan seni ragam hias. Namun, kajian-kajian yang dilaksanakan oleh sarjana hanya memfokuskan kepada tahap pengetahuan masyarakat dalam gaya ragam hias al Quran manuskrip, sejarah manuskrip, jenis pola reka bentuk kulit buku dan motif ragam hias. Dalam kajian ini, pengkaji memberi penekanan kepada tiga aspek penting, iaitu definisi penjilidan, definisi luaran kulit buku, dan pada dalaman folio, seni ragam hias dalam manuskrip.

Kehadiran agama Islam ke Alam Melayu membawa pelbagai perubahan dan kemajuan di kalangan masyarakat Melayu setempat, khasnya dalam aspek ilmu perubatan, adat, budaya dan pendidikan. Setelah agama Islam bertapak di Alam Melayu, ajaran Islam berkembang luas dan diterima pada pelbagai peringkat umur. Menurut Syed & Mohd Anuar (2021) proses pengislaman Alam Melayu telah dirintis oleh para pendakwah berbangsa Arab, sama ada yang datang secara langsung dari Timur Tengah atau yang singgah di China dan India serta meneruskan perjalanan ke Alam Melayu. Perjuangan dan ajaran Islam pada masyarakat Melayu dalam menyampaikan agama sekali gus telah mengubah zaman tersebut menjadi zaman yang membentuk kesedaran dan semangat baru (Al-Attas 2011). Seni penjilidan buku setelah Islam mula berkembang di dunia Melayu dan telah mendapat inspirasi daripada perkembangan sesuatu tamadun. Gaya hiasan mewah dan unik yang diinspirasikan dari empayar yang hebat telah diubah sesuaikan mengikut budaya dan alam sekitar di semenanjung Tanah Melayu.

Islam telah dibawa ke Kepulauan Melayu-Indonesia oleh pedagang Arab dan India sejak abad ke-10 hingga abad ke-15 Masihi. Penyebaran Islam ke Tanah Melayu dijalankan secara aman oleh saudagar Islam dan guru agama. Dakwah disebarkan kepada pembesar tempatan dan raja, masyarakat sekitar (Kamal 1998). Menurut pandangan Mohd Affendi (2021) suatu masa dahulu, istana dan pusat keagamaan seperti pondok merupakan tempat di mana terdapat banyaknya koleksi manuskrip. Zaman penjajahan menyaksikan banyak manuskrip Melayu musnah akibat perang dan kebakaran, dibawa keluar secara sengaja atau tidak sengaja atau dicuri dari pusat pengumpulan manuskrip atau perpustakaan besar di Alam Melayu. Menurut sumber dari Perpustakaan Negara Malaysia (2002) pada zaman dahulu istana merupakan pusat kegiatan penulisan. Dengan terbakarnya istana maka terbakarlah himpunan naskhah yang disimpan. Tujuan manuskrip hikayat digunakan sebagai catatan di dalam istana adalah untuk dijadikan sumber bahan pendidikan dan hiburan kepada kerabat diraja (Asmah 2013).

Pembaharuan daripada segi ajaran agama Islam itu sendiri dan masyarakat Melayu memperlihatkan keunggulan mereka menerokai keilmuan dengan memajukan diri di dalam

mempelajari pelbagai bidang ilmu dan pendidikan. Dengan kesedaran yang tinggi melalui pemikiran yang tajam, masyarakat Melayu mula menyumbang ke arah mengukuhkan identiti sebuah tamadun (Mahayudin 2004). Hal ini kerana agama Islam itu sendiri membentuk masyarakat Melayu dan menjadikan pena digunakan bagi kepelbagaian bidang penulisan manuskrip. Menurut Haslindawati (2022) kandungannya mengandungi pelbagai catatan yang merangkumi peristiwa-peristiwa sejarah, pentadbiran, perundangan, peraturan, memo, notis dan keagamaan. Dengan perkembangan kehidupan yang baru, masyarakat Melayu banyak menghasilkan karya berbentuk penulisan dalam pelbagai bidang inteligensia yang menerapkan pengetahuan dan keterampilan ilmu.

DEFINISI PENJILIDAN

Penjilidan adalah proses untuk menggabungkan rangkaian helaian kertas secara susunan dengan kemas dan teratur dengan menjahit helaian kertas sehingga membentuk sebuah buku. Perkataan penjilidan merujuk kepada bahasa Inggeris bermaksud '*binding*'. Wan Ali (1988) menyatakan jilidan ialah sekumpulan helaian kertas yang dijahit atau digam pada satu bahagian tepinya '*spine*' dan dilekatkan kulit supaya kertas-kertas '*codex*' itu tidak terburai, senang digunakan dan disimpan kemas. Menurut Gacek (2009) istilah "mengikat" dalam bahasa Arab ialah '*tajlid*'. Perkataan '*tajlid*' berasal daripada proses pembuatan penjilidan buku.

Sementara itu, bagi Dewan Bahasa dan Pustaka merujuk perkataan '*jilid*' bermaksud buku yang dijahit. Menurut Islamic Arts Museum Malaysia (2017) penjilid buku dirujuk oleh tiga istilah utama, iaitu '*tajlid*' '*tasfir*' dan '*tashif*' kepada tukang yang menyusun, menjahit dan menghias seni buku. Antara istilah lain digunakan dalam penjilidan ialah perkataan '*tajlid*' digunakan dalam daerah di wilayah Timur Islam Mashriq, ini merujuk pada asal usul perkataan '*jild*' yang bermaksud kulit haiwan '*leather*' atau kulit '*skin*', istilah '*jild*' juga bermaksud perkataan jilid, iaitu merujuk buku yang dijahit manakala, di bahagian daerah Wilayah Barat Islam Maghreb kebanyakannya menggunakan istilah '*tasfir*'. Sementara itu, perkataan '*tashif*' digunakan untuk daerah Parsi dan Turki Uthmaniyyah.

Definisi *codex* adalah helai kertas yang mempunyai kandungan tulisan tangan (Wan Ali (1988). Penjilidan adalah satu proses untuk menyatukan rangkaian kertas dari satu per satu secara berurutan ke dalam bentuk buku. Ini kerana, selepas kertas '*codex*' disatukan dengan kemas, rangkaian kertas akan dijahit atau diikat dengan cara kertas diatur dengan lapisan berperingkat. Rangkaian kertas yang sudah dijahit akan digabungkan bersama kulit buku yang menggunakan bahan-bahan seperti kertas berwarna, kulit, kayu atau logam. Istilah ikat dalam kata kerja bermaksud mengikat, kumpulan atau menggabungkan supaya barang tidak terburai.

Menurut Rukanci dan Anameric (2012) istilah pengikat dalam bahasa Turki dipanggil '*mücellied*' atau '*binder*'. Penjelasan mereka, istilah pengikat buku merujuk kepada penutup buku yang diperbuat daripada *cardboard* dan ditutupi dengan kulit, kertas, plastik atau kain untuk mengelakkan halaman buku daripada tersebar dan juga untuk melindungi buku daripada kerosakan luaran. Dalam peringkat penjilidan, selepas halaman-halaman kertas '*codex*' dikumpulkan, buku ini akan diberi bentuk akhir, iaitu seni reka bentuk yang termasuk semua proses yang diperlukan untuk penjilidan sebuah buku. Seni reka bentuk yang dipaparkan adalah untuk menunjukkan manuskrip yang menarik dan mempunyai sifat-sifat unik yang tersendiri. Wan Ali (1988) menyatakan sejarah penjilidan telah melahirkan berbagai-bagai unsur dan teknik jilidan oleh faktor-faktor zaman dan daerah.

Oleh itu, definisi di atas amat jelas menunjukkan bahawa istilah-istilah dalam penjilidan bukan sahaja kepada proses pembuatan manuskrip malah ia juga merangkumi kerja penyediaan bahan-bahan, proses jahitan, proses pola reka bentuk kulit buku yang dihias pada luaran kulit buku dan ragam hias bagi dalaman buku. Hiasan pada kulit buku bukan sahaja sebagai penjeri buku tetapi juga sebagai pelindung helaian kertas '*codex*'. Hiasan kulit muka depan dan belakang yang digunakan adalah kebanyakan melambangkan alam semula jadi gabungan corak bunga dan abstrak. Hal ini demikian kerana terdapat kekangan dalam merakam atau melukis benda hidup dalam Islam. Berdasarkan seni penjilidan manuskrip Melayu dapat menunjukkan pelbagai pengaruh dari aspek kehidupan, hubungan diplomatik dan kemajuan bagi sesuatu tamadun Islam.

Tidak ketinggalan bidang penulisan yang menyentuh segala aspek kehidupan masyarakat Melayu yang diabadikan dalam ribuan manuskrip, ianya bertujuan untuk mengangkat kedaulatan raja, mengekalkan taat setia rakyat, kearifan dan kebijaksanaan masyarakat di merata daerah kepulauan Melayu. Di samping itu, bidang perkara yang terakam dalam manuskrip menjadi bahan asas untuk penyebaran agama dari segi seni penulisan dan ilmu pengajian Islam sebagai rekod catatan peristiwa penting untuk menjadi sumber rujukan hidup masyarakat.

DEFINISI LUARAN KULIT BUKU

Kajian ilmiah ini bertujuan untuk meneroka pelbagai aspek penting dalam manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 khususnya yang berkaitan dengan definisi kulit buku. Penelitian ini akan melihatkan istilah pada luaran kulit buku dan penjilidan yang mempengaruhi kehidupan masyarakat serta seni pertukangan tradisional Melayu.

Setiap manuskrip mempunyai penampilan pola reka bentuk kulit buku yang tersendiri. Seni visual yang mempunyai pola reka bentuk kulit buku memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan informasi dan maklumat awal kepada para pengguna. Dengan penghasilan dan penampilan visual pada pola reka bentuk kulit buku dengan kepelbagaian seni reka dan elemen menarik serta unik dapat mempengaruhi minat golongan sasaran. Dalam kajian ini, penampilan visual pada pola reka bentuk kulit buku menunjukkan salah satu elemen penting, ini kerana gambaran awal bahagian pertama yang dilihat oleh khalayak ketika proses pemilihan manuskrip adalah tertumpu kepada visual kulit buku.

Oleh sebab itu, dalam pemilihan pembelian manuskrip, sikap golongan tertentu semasa membelek-belek pada bahagian-bahagian tertentu dititikberatkan untuk memastikan keperluan seperti isi kandungan ilmu, perapian dan kemasan manuskrip agar terjaga. Selain daripada itu, fungsi reka bentuk kulit buku bukan sahaja dapat melindungi bentuk fizikal sesuatu naskhah malah dapat menghalang daripada kerosakan. Selanjutnya, seni visual pada reka bentuk kulit buku juga dapat membezakan dan melambangkan identiti sesuatu masyarakat dalam suatu tamadun tertentu.

Menurut pendapat Foot (2006), ia menyatakan dalam seni penjilidan merangkumi ilustrasi, hiasan dan struktur penjilidan, di mana kesemua seni yang dipaparkan dari manuskrip secara objek fizikal dapat dilihat secara pemerhatian oleh pengguna. Bagi pandangan Haldane (1983) menyifatkan tradisional seni dalam penjilidan adalah kemahiran seni dan ia juga berfungsi sebagai melindungi bahan penulisan yang seusia dengan karya yang dihasilkan. Manakala, Scheper (2015) berpendapat manuskrip '*codices*' daripada dunia Islam sering dikagumi kerana kecantikannya namun begitu, ikatan buku tidak dapat melindungi manuskrip dengan secukup baik kerana strukturnya sering mengalami kerosakan walaupun ia direka dan dihias dengan indah.

Manakala Plomp (2013) menyatakan kebanyakan koleksi manuskrip Melayu yang ada di perpustakaan Leiden dijumpai dalam keadaan seperti muka surat luar *quires* (helaian kertas), kertas '*codex*' dan *endleaves* (kertas berwarna atau dihias) yang menunjukkan manuskrip Melayu pada asalnya tidak diikat atau disediakan dengan pengikatan pelindung, ini menyebabkan keadaan manuskrip Melayu terburai dan bilang kertas *quires* tercemar dengan kekotoran. Pemulihan penjilidan dengan gaya barat dibuat bagi memasuki koleksi manuskrip.

Karakteristik ini dibahas dalam artikel Plomp (2013) dan tidak dipersetujui oleh Wan Ali (1987:63-66) dalam kajian tesis sarjananya menyatakan terdapat banyak koleksi manuskrip Melayu yang berada di negara barat seperti England atau Jerman penjilidan dibuat dengan menggunakan pengikat secara tradisional dan jilidan asal. Pengikat buku ini diperbuat daripada kulit berwarna atau tidak berwarna dan dihiasi dengan teknik mengecop (*blind stamping*) atau *tooling* dan dihiasi *gilding* (kertas emas) yang memberi kesan motif hiasan cop timbul.

Oleh itu, seni reka bentuk manuskrip dan gaya penjilidan manuskrip Melayu yang berada di Alam Melayu mempunyai peranan penting bukan sahaja menunjukkan kegemilangan sesuatu tamadun tetapi juga memaparkan keharmonian diterap dalam kesenian yang dihasilkan oleh budaya Islam dan warisan Melayu tempatan.

DEFINISI DALAMAN FOLIO

Sementara itu, dalam penelitian definisi dalaman folio akan melihat pada elemen-elemen yang menghiasi dalaman folio. Dalaman folio mempunyai hiasan, iaitu ragam hias. Dalam hiasan ragam hias mempunyai beberapa elemen penting seperti motif dari tumbuhan, corak abstrak geometri, warna dan iluminasi. Kajian ini memperlihatkan penerapan elemen berbentuk hiasan yang menghiasi manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 yang bermotifkan tumbuhan, corak abstrak geometri, warna dan iluminasi yang mempengaruhi kehidupan dalam kepentingan budaya masyarakat Melayu.

Dalam kesenian manuskrip, antara karya seni yang menarik perhatian adalah seni ragam hias. Ragam hias ini adalah satu karya seni yang diindahkan dengan motif-motif dari alam flora, corak abstrak geometri memberikan makna simbolik yang tersurat dan tersirat. Selain itu, dalam karya manuskrip Melayu juga pemilihan warna memainkan peranan yang utama. Ini kerana warna dianggap sebagai medium bahasa yang sering kali dijadikan simbol penyatuan kaum atau ideologi. Khazanah alam semula jadi menyajikan warna-warni yang mengajar tentang hubungan sosial, persepsi manusia dan karakter manusia dalam kehidupan seharian. Warna memainkan peranan asas dalam kehidupan seseorang yang berkaitan dengan gelombang yang dikesan oleh pancaindera manusia. Setiap warna juga mempunyai makna dan identiti tersendiri yang boleh mempengaruhi karakter individu.

Begitu juga, dalam karya seni ragam hias ini dihiasi dengan warna pilihan yang terang seperti warna merah, kuning, hijau dan biru serta sepuhan emas yang menjadikan satu penampilan mewah yang memukau dan unik. Warna terang dilihat lebih cenderung bagi menonjolkan kecantikan, keindahan dan daya tarikan menarik dalam menghasilkan hiasan motif atau abstrak dan geometri bagi menampak hidup berlapis-lapis dimensi bagi menarik minat para pembaca. Selain itu, kesenian ragam hias bukan sahaja didapati di dalam karya sastera sahaja, tetapi dihias di dalam karya sejarah, salinan al-Quran dan juga dihiasi dalam kitab-kitab doa dan keagamaan.

Kebanyakan karya seni ragam hias yang dihasilkan di halaman kertas dihias dengan pelbagai motif, bentuk dan gaya hiasan seni yang merujuk kepada adat, kepercayaan, ugama atau

nilai estetika masyarakat tempatan terdahulu. Namun begitu, selepas kedatangan Islam ke Alam Melayu, karya seni diperhalusi dengan lakaran corak dengan motif tumbuhan, bunga, daun, abstrak dan geometri yang berkaitan dengan kesenian keislaman malah, ukiran seni melambangkan ciri khas sesuatu daerah dan perubahan yang berlaku di dalam masyarakat Melayu.

Perkataan *illuminare* dalam bahasa Yunani bermaksud *illumination* memberi erti kepada menerangi manakala, perkataan dalam bahasa Inggeris *illumination* dan bahasa Melayu panggilan dikenali sebagai iluminasi. Perkataan ini membawa maksud menghiasi atau hiasan kepada sesuatu ruangan. Tujuan hiasan karya seni ini adalah untuk memperindah dan ianya dianggap suatu keperluan bagi menghiasi ruang kosong untuk sesuatu objek. Selain itu, iluminasi adalah satu aliran seni yang menggambarkan hiasan terindah pada beberapa halaman manuskrip yang terpilih dengan menggunakan penyepuhan emas atau warna kuning.

Keindahan dan warna-warna berkilau corak keemasan memenuhi halaman tersebut sebagai daya tarikan semasa membaca. Namun, terdapat perbezaan pada iluminasi iaitu, hiasan seni di hias dengan penggunaan penyepuhan emas atau warna kuning. Penggunaan penyepuhan emas mencerminkan tradisi kepakaran dalam pelbagai disiplin masyarakat Melayu yang memiliki pengetahuan, kebijaksanaan dan kemewahan pada suatu ketika dahulu. Manakala, penggunaan warna kuning adalah istilah bagi warna emas. Kedua-dua penggunaan bahan mempunyai maksud yang sama, iaitu menonjolkan ciri tersendiri dalam tradisi manuskrip Melayu yang bersesuaian dengan daerah setempat. Selain itu, iluminasi merupakan karya imaginasi pelukis yang berinspirasi daripada sumber alam semula jadi atau fenomena sosial masyarakat terdahulu. Kewujudan iluminasi ini dapat memenuhi ruang pada halaman kertas dan dapat mengembangkan pelbagai aspek penampilan motif, bingkai, bentuk, pola, gaya dan abstrak.

Menurut pandangan Gallop dan Ali (2006) iluminasi ialah istilah merujuk kepada hiasan, lazimnya melibatkan warna atau pigmen logam dan dihias dalam karya lukisan untuk meningkatkan penampilan manuskrip. Karya ragam hias ini merupakan suatu proses yang rumit dan lazimnya dikhususkan bagi buku-buku istimewa seperti al-Quran, catatan hikayat, dijadikan persembahan diplomatik atau pesanan peribadi. Ros Mahwati dan Zuliskandar (2016) bersetuju dengan pendapat Dzul Haimi (2007) menyatakan ragam hias yang terdapat di alam Melayu dipengaruhi oleh tiga dinasti Islam terbesar, iaitu menerusi era kegemilangan tamadun Uthmaniyyah, Safavid dan Mughal yang memberi sumbangan yang tidak ternilai dalam menentukan bentuk seni gaya hiasan.

Pendapat Mandana (2000) dalam era kegemilangan empayar Seljuq dan tahun akhir dinasti Mamluk, evolusi seni iluminasi telah menarik perhatian ramai. Ini kerana evolusi penulisan menggunakan bahan kertas, alatan tulisan, kapas dan sutera diperkenalkan. Kepakaran dalam pertukangan seni terus berkembang sehingga melahirkan pelukis Islam di seluruh dunia termasuk di wilayah masyarakat China dan di Alam Melayu. Manakala Gallop (2004) menjelaskan tentang klasifikasi iluminasi manuskrip Melayu berdasarkan wilayah kawasan, di mana para orientalis menulis tentang kesenian dan kebudayaan dari kawasan wilayah masyarakat setempat yang beragama Islam.

Oleh itu, dalam manuskrip ragam hias dianggap satu karya penting, ini kerana hiasan seni yang dilihat dalam manuskrip Melayu memperagakan ciri-ciri seni Islam bukan sekadar sebagai bahan hiasan yang memberi penampilan dari segi keindahan mewah semata-mata tetapi ia juga memberi peranan yang tersendiri seperti bercirikan adat budaya tempatan, menampilkan warisan sesuatu tamadun, menunjukkan unsur motif atau corak penting sesuatu wilayah atau penampilan identiti masyarakat tempat tersebut.

METODOLOGI

Kajian ini ialah kaedah kualitatif yang mengaplikasikan penelitian kaedah kodikologi sewaktu proses analisis manuskrip dan kajian lapangan. Ini kerana penelitian dalam aspek mendekripsi pembuatan manuskrip secara pemerhatian fizikal lebih terbuka dan fleksibel. Menurut Wan Ali (2014) kodikologi adalah mengkaji secara luaran fizikal tentang penyediaan bahan-bahan penulisan dan pembuatan buku tradisional. Selain itu, kajian menggunakan manuskrip dari Perpustakaan Negara Malaysia dan mengenal pasti lokasi institusi yang menyimpan manuskrip Hikayat Hang Tuah. Tempoh kajian dibuat selama dua bulan. Kajian kodikologi ini hanya mengguna satu naskhah manuskrip dari Perpustakaan Negara Malaysia, iaitu manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 dan dua buah naskhah dari Muzium Kesenian Islam Malaysia.

Ros Mahwati dan Zuliskandar (2016) menyatakan kajian kodikologi yang dijalankan oleh Gallop pada tahun 1991 itu telah berjaya mencetuskan satu ciri dalam mengklasifikasikan jenis manuskrip dan dapat membantu para pengkaji dan profesional muzium, galeri, arkib dan perpustakaan membuat klasifikasi dalam mengkatalogkan artifak. Selain itu, penganalisis data juga mempunyai pelbagai cara dan teknik dalam pasti reka bentuk luaran: kulit buku dan dalaman. Dua peringkat analisis tersebut dijalankan dengan mengenal pasti pengumpulan data lokasi institusi manuskrip Hikayat Hang Tuah dan kaedah kodikologi ke atas manuskrip seperti berikut:

DATA EMPIRIKAL MANUSKRIP HIKAYAT HANG TUAH DIKUMPUL

Pengkaji telah mengenal pasti lokasi institusi yang menyimpan manuskrip Hikayat Hang Tuah yang berada di semenanjung Malaysia bagi tujuan pengumpulan data fizikal. Beberapa buah institusi yang telah dikenal pasti menyimpan manuskrip Hikayat Hang Tuah adalah seperti berikut:

- a) Perpustakaan Negara Malaysia (manuskrip)
- b) Muzium Negeri Terengganu (manuskrip)
- c) Dewan Bahasa dan Pustaka (mikrofilem)
- d) Universiti Malaya (manuskrip)

Pengumpulan data secara fizikal manuskrip Hikayat Hang Tuah dan manuskrip kulit merah *maroon*, ciri-ciri fizikal data seperti lateks sarung tangan, pensel, kaca pembesar, pembaris plastik dan pemadam. Pada bahagian luaran manuskrip di ukuran saiz dan direkodkan gambar keseluruhan secara manual seperti menggunakan pembaris dalam unit sentimeter, jenis skrip khat jawi, perincian hiasan atau pola menggunakan kamera dalam lawatan lapangan yang dijalankan ke setiap institusi yang dikenal pasti mempunyai manuskrip Hikayat Hang Tuah. Selain itu, dari buku koleksi institusi luar negara di kenal pasti memiliki persamaan dari segi memiliki kulit buku merah *maroon* dan seni hias. Analisis data dikenal pasti melalui pemerhatian secara fizikal bagi memperlihatkan persamaan dan keunikan yang dimiliki oleh setiap manuskrip Hikayat Hang Tuah seperti berikut:

- a) Manuskrip Hikayat Hang Tuah (MSS: 1713), sumber dari Perpustakaan Negara Malaysia
- b) Judul buku *Mushaf Palembang*, Indonesia pada tahun 1845 M/1261 H oleh KMS. H. Andi Syarifuddin


- c) Manuskrip Quran IAMM (1998.1.3444) lembaran 98, sumber dari *Islamic Arts Musuem* Malaysia.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, dapatan kajian yang diperoleh disusun atur mengikut persoalan kajian yang digariskan. Hasil kajian ini telah dianalisis dan diperoleh berdasarkan pemerhatian secara fizikal manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713, iaitu tiga ciri utama dalam manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713; komponen reka bentuk penjilidan manuskrip, pola reka bentuk luaran: kulit buku, dalaman folio: seni ragam hias, kesemuanya memainkan peranan penting dalam manuskrip ini. Ciri-ciri tersebut juga bersertakan catatan kolofon (*colophon*) yang menjadi salah satu hiasan penting dalam manuskrip. Catatan kolofon menjadi lumrah tradisi pada setiap manuskrip dengan mengakhirkan karya penulisan dengan bentuk corong. Pada bahagian kolofon ini, tercatat butiran maklumat yang sangat penting bagi sesuatu manuskrip, iaitu nama kitab, nama pengarang atau penyalin, nama tempat yang dikarang dan tahun dikarang.

Pada zaman dahulu, seni kitab Islam diekspresikan dalam jilid, mengenai penggambaran hiasan dalam kemewahan dan indah. Dengan penampilan yang eksklusif dalam naskhah-naskhah tersebut menghadirkan ciri-ciri contoh kesenian Islam yang dihasilkan. Apa yang lebih menarik, penghasilan naskhah menunjukkan karya seni yang membuatkan setiap individu mahu menyimpan naskhah dan naskhah itu bukan untuk tujuan bacaan atau pendidikan namun, penggambarannya sebagai wadah utama untuk ekspresi artistik dalam penciptaan. Bagi pengkarya seni yang hebat dapat menikmati keistimewaan status tinggi yang diberikan oleh raja, dan bengkel mereka ditaja oleh bangsawan dan mahkamah.

Justeru itu, penampilan yang paling indah adalah komisen permintaan yang dibuat dengan arahan orang yang sangat mulia, raja, dan istana, selalunya ditandatangani oleh ahli kaligrafi dan pelukis dengan memberikan sekeping maklumat latar belakang naskhah. Maklumat latar belakang ini dipanggil kolofon. Catatan kolofon ini mengandungi maklumat latar belakang seperti tarikh, tempat dihasilkan dan nama pengarang ini dapat dilihat dalam kolofon (Rajah 1).



RAJAH 1. Catatan kolofon
Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia


Selain itu, hikayat manuskrip ini juga mengandungi catatan kolofon (Rajah 1) yang terdapat pada halaman akhir yang bertulis; “30-4-36, pusaka bagi almarhum Tengku panglima Raja dapat kepada Tengku Ismail anaknya 5-6-36, dimiliki oleh anaknya Tuan Muhamadiyah Tuan

Abdul Faqir 5-6-36". Menurut Ros Mahwati (2015) ini kerana kebanyakan barangan yang dihasilkan di alam Melayu khususnya manuskrip seperti al-Quran tidak mempunyai tanda tangan penulis atau penyalin. Seperti al-Quran di wilayah Islam yang lain, seni hiasan dan penjilidan menjadi salah satu cara dalam mengenal pasti wilayah al-Quran dihasilkan. Manakala pendapat Plomp (2013) menegaskan bahawa apabila penyelidik dapat mendedahkan ciri-ciri dalam penjilidan dari sesuatu manuskrip, maka ia dapat menentukan tempat dan masa penghasilan manuskrip. Oleh yang demikian, kajian ini mengenal pasti karakteristik seni reka bentuk penjilidan dan seni hias pola atau motif yang terkandung dalam manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713. Perkembangan seni manuskrip di Alam Melayu terus meluas semenjak kemasukan ajaran Islam ke Nusantara khususnya (Kamal 1998).

KOMPONEN REKA BENTUK PENJILIDAN MANUSKRIP

Dapatan kajian ini menunjukkan komponen reka bentuk penjilidan manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713, yang membahagikan kepada bahagian istilah, definisi dan fungsi yang berbeza ada penting bagi menunjukkan komponen-komponen penting dalam pembinaan penjilidan manuskrip. Dengan adanya ilustrasi komponen reka bentuk penjilidan dapat memberi penerangan yang jelas dan tepat pada setiap bahagian penjilidan manuskrip.

Menurut Rukanci dan Anameric (2012) istilah penjilidan buku merujuk kepada kulit buku yang diperbuat daripada kadbod dan ditutup dengan kulit, kertas, plastik atau kain untuk mengelakkan halaman berselerak. Penjilidan buku juga bermaksud mengumpul folio dan menjadikan satu kumpulan. Dalam penjilidan buku halaman kerja sedang dikumpulkan dan diberi bentuk akhir, ia adalah bentuk seni yang merangkumi semua proses yang diperlukan untuk mengikat buku untuk melindungi buku daripada kerosakan luaran. Bahan penutup atau pembalut yang digunakan untuk depan dan belakang kadbod dibaluti dengan kulit binatang, kertas berwarna atau kain kapas (*cotton*).



RAJAH 2. Komponen Reka Bentuk Penjilidan Manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713

Kepentingan hubungan luar kepada kerajaan Alam Melayu dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat Alam Melayu dari aspek pentadbiran, diplomatik, keagamaan, perdagangan, perundangan, ekonomi dan sosial budaya. Kesan daripada hubungan luar kerajaan Alam Melayu adalah berlaku pertukaran teknologi dan kemahiran. Dalam konteks seni reka bentuk penjilidan Melayu, visual ilham yang zahir dari artisan-artisan melalui dari pemerhatian yang diterokai melalui hubungan diplomatik atau melalui pengembara menuntut ilmu dari artisan terkemuka di berbagai wilayah luar. Seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi (Rajah 2) di atas, adalah komponen reka bentuk penjilidan manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 yang menunjukkan penyusunan komposisi format rekaletak dalam penjilidan manuskrip Melayu. Penyusunan komposisi format rekaletak ini memainkan peranan penting dalam memperindahkan dan memperhalusi sesuatu manuskrip selain itu, artisan juga menitikberatkan keselesaan para pembaca dan penjagaan manuskrip untuk jangka masa yang lama.

Oleh itu, hasil menerusi penelitian penyusunan komposisi format rekaletak komponen reka bentuk penjilidan manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 dapat diperlihatkan pelbagai jenis maklumat dari segi bahan, teknik yang digunakan dalam pembuatan manuskrip melalui budaya, identiti sesuatu bangsa, seni dan sejarah. Justeru, ilustrasi rajah komponen reka bentuk penjilidan manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 dapat memberi satu paparan visual untuk memahami dengan teliti komposisi format rekaletak komponen dalam penjilidan manuskrip Melayu. Selain itu, ilustrasi ini juga dapat membantu menjelaskan secara spesifik peranan komposisi komponen dalam penjilidan manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 dari segi istilah, definisi dan fungsi dalam penjilidan manuskrip. Penelitian istilah, definisi dan fungsi dalam penjilidan manuskrip ini dapat merungkaikan pemahaman penjilidan manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 secara terperinci. Selain itu, menerusi istilah, definisi dan fungsi penjilidan manuskrip ini dapat memberi spesifikasi istilah teknikal yang tepat, definisi yang mudah difahami dan menjelaskan fungsi yang berbeza pada komponen reka bentuk penjilidan manuskrip. (Jadual 1) menunjukkan komposisi komponen mempunyai istilah, definisi dan fungsi dalam penjilidan manuskrip Melayu.

JADUAL 1. Istilah, definisi dan Fungsi Penjilidan manuskrip

No.	Istilah teknikal	definisi	Fungsi
1	<i>Head</i>	Bahagian atas buku	Tujuannya untuk menunjukkan jumlah kuantiti folio yang terikat di bahagian atas.
2	<i>Tail</i>	Bahagian bawah buku	Tujuannya untuk menunjukkan jumlah kuantiti folio yang terikat di bahagian bawah.
3	<i>Textblock</i>	Merujuk kepada badan buku, perhimpunan semua <i>folio</i> konstituen dengan pengikatannya kemas	Tujuannya untuk menunjukkan sekumpulan folio di bahagian kanan yang tidak dijahit. Bahagian kiri (<i>spine</i>) tulang belakang dijahit atau diikat supaya bahagian hujung kanan helaian folio boleh dibuka dan mencatat maklumat.
4	<i>Flyleaf</i>	<i>Endleaf</i> juga dikenali sebagai <i>endleaf</i> , <i>endpaper</i> dan <i>pastedown</i> . Merujuk kepada helaian lain, helaian kosong, helaian bebas atau kertas tambahan yang kosong di hadapan dan belakang papan buku.	Tujuannya adalah untuk melindungi pembukaan dan penutup manuskrip.
5	<i>Doublure</i>	<i>Doublure</i> dari perkataan Perancis yang bermaksud penutup. <i>Doublure</i> merujuk kepada lapisan hiasan yang dilampirkan bahagian hadapan dan belakang papan buku, terutama menggunakan pilihan kertas hiasan dari Eropah, iaitu kertas berwarna, atau	Tujuan <i>doublure</i> adalah sebagai penutup papan ikatan manuskrip. Bahagian permukaan hadapan dan belakang papan ikatan manuskrip dihiasi dengan hiasan mewah, unik dan menarik. Selain itu,

		corak marmar. Selain itu, bahan lain gunakan kulit binatang atau kain kapas.	penutup papan ikatan manuskrip untuk memperlihatkan pelbagai teknik, teknologi dan sumber bahan yang digunakan sebagai hiasan penutup.
6	<i>Fore-edge flap</i>	Merujuk kepada papan bahagian di tengah bersambungan dengan <i>Envelope flap</i> .	Dalam penjilidan Islam, bahagian <i>Fore-edge flap</i> dan <i>envelope flap</i> adalah dua komponen penting. Tujuan <i>fore-edge flap</i> adalah untuk meregangkan dari penutup papan buku dibahagian belakang (<i>back cover</i>) dan sebagai sendi fleksibel. Selain itu juga, bahagian <i>fore-edge flap</i> untuk melindungi tepi depan manuskrip.
7	<i>Envelope flap</i>	Bahagian potongan jilid berkepak (<i>enveloped flat</i>) mempunyai sendi fleksibel, berbentuk penutup sampul surat atau tiga segi. Bahagian potongan jilid berkepak (<i>enveloped flat</i>) mempunyai sendi fleksibel, berbentuk penutup sampul surat atau tiga segi.	Berfungsi sebagai melindungi helaian manuskrip di sebelah tepi dan sebagai penanda muka surat.
8	<i>Turn-in</i>	Dikenali juga sebagai panggilan <i>turnover</i> atau <i>overlap</i> . bahagian bahan penutup yang dilipat ke belakang dan dilekatkan pada bahagian belakang permukaan papan berbumbung.	Bahagian ini adalah bahagian lebihan dilipat dan menampal lebihan lipatan dengan bahan pelekat di atas tepi dalam papan manuskrip bagi menjamin kemasan.
9	<i>Board</i>	Istilah umum yang digunakan adalah <i>pasteboard</i> , <i>millboard</i> dan <i>strawboard</i> . Ia digunakan sebagai <i>coverboard</i> atau papan buku (<i>book boards</i>). diperbuat daripada pelbagai bahan-bahan serat tumbuhan seperti <i>pulp</i> atau laminasi yang dicampurkan ke dalam lembaran besar, rata, yang kemudian dipotong kepada saiz.	Warna kelabu dan tebal digunakan untuk menjadi asas papan manuskrip. Bahagian ini ditutupi dengan kain, kulit, kertas, atau bahan lain untuk menghiasi penutup manuskrip.
10	<i>Headband</i>	Terdiri daripada benang berwarna-warni terikat dengan ketat. Jenis sulaman hiasan kecil yang dijahit di atas tulang belakang <i>spine</i> dan di bahagian kepala folio <i>textblock</i> sebelah kiri sesebuah manuskrip. Sulaman ini menggunakan benang yang terdiri daripada serat tumbuhan yang diproses menjadi (<i>cotton</i> , <i>flax</i> , <i>hemp</i>) atau serat haiwan (<i>silk</i> , <i>wool</i>).	Fungsi sulaman ini memberi pengukuhan ikatan lampiran folio. Sulaman ini juga membantu mengisi jurang di bahagian tulang belakang <i>spine</i> antara bahagian atas tepi papan. Selain itu, ia membantu mengurangkan kerosakan bahagian folio daripada terlerai atau tercabut. Sulaman ini juga mengekalkan kumpulan folio supaya kelihatan kemas dan teratur.
11	<i>Endband</i>	<i>Endband</i> ini dikenali sebagai <i>tailband</i> kerana berada di bahagian bawah kepala folio manuskrip. Terdiri daripada benang berwarna-warni terikat dengan ketat. Jenis sulaman hiasan kecil yang dijahit di bawah tulang belakang <i>spine</i> dan di bahagian bawah kepala buku <i>textblock</i> sebelah kiri sesebuah manuskrip. Sulaman ini menggunakan benang yang terdiri daripada serat tumbuhan yang diproses menjadi (<i>cotton</i> , <i>flax</i> , <i>hemp</i>) atau serat haiwan (<i>silk</i> , <i>wool</i>).	Fungsi sulaman ini memberi pengukuhan ikatan lampiran folio. Sulaman ini juga membantu mengisi jurang di bahagian tulang belakang <i>spine</i> antara bahagian bawah tepi papan. Selain itu, ia membantu mengurangkan kerosakan bahagian folio daripada terlerai atau tercabut. Sulaman ini juga mengekalkan kumpulan folio supaya kelihatan kemas dan teratur.
12	<i>Joint</i>	<i>Joint</i> adalah sendi kepada bahagian antara badan manuskrip, papan dan tulang belakang disatukan satu sama lain. Jarak antara papan tulang belakang dan papan penutup membolehkan penutup fleksibel untuk senang dibuka.	Fungsi <i>joint</i> sebagai sendi bagi menunjukkan bahagian dalaman atau luaran yang fleksibel di mana papan bercantum tulang belakang dan mudah dibengkok apabila dibuka dan ditutup.
13	<i>Back cover</i>	<i>Back cover</i> atau papan belakang dikenali sebagai <i>back board</i> . Di bahagian depan papan belakang (<i>back cover</i>) mempunyai hiasan asas seperti kertas, kain kapas (<i>cotton</i>) dan kulit binatang dan	Fungsi <i>back cover</i> ini adalah untuk melindungi bahagian dalaman folio. Selain itu, hiasan pada papan dapat

		di bahagian belakang papan dihiasi dengan <i>doublure</i> yang pilihan kertas hiasan dari Eropah, iaitu kertas berwarna-warni, atau corak marmar. Papan belakang ini mengikat sendi pada tulang belakang yang membolehkan pergerakan bebas di bahagian penutup pada sendi. Selain itu, papan belakang juga mengikat sendi pada kumpulan folio.	memberi maklumat sejarah kepada pembaca.
14	<i>Spine</i>	Bahagian kiri textblock dipanggil sebagai (<i>spine</i>) tulang belakang. Tulang belakang (<i>spine</i>) dikenali juga sebagai <i>backbone</i> . Terletak di bahagian kiri dan bahagian tulang belakang ini bercantum secara berjahit dengan kumpulan helaian folio. Jahitan dibuat di sepanjang tepi ini untuk memastikan himpunan folio bercantum antara satu sama lain.	Fungsi tulang belakang (<i>spine</i>) adalah jahitan benang untuk mengikat kumpulan helaian folio supaya tidak terlerai dan tersusun kemas.
15	<i>Front cover</i>	Di bahagian papan hadapan <i>front cover</i> mempunyai hiasan asas seperti kertas, kain kapas (<i>cotton</i>) dan kulit binatang dan di bahagian belakang papan dihiasi dengan <i>doublure</i> yang pilihan kertas hiasan dari Eropah, iaitu kertas berwarna-warni, atau corak marmar. Papan hadapan ini mengikat sendi pada tulang belakang yang membolehkan pergerakan bebas di bahagian penutup pada sendi. Selain itu, papan hadapan juga mengikat sendi pada kumpulan folio.	Fungsi <i>front cover</i> ini adalah untuk melindungi bahagian dalaman folio. Selain itu, hiasan pada papan dapat memberi maklumat sejarah kepada pembaca.

KLASIFIKASI POLA REKA BENTUK LUARAN: KULIT BUKU

Bahagian ini membentangkan dapatan berkaitan pola reka bentuk luaran pada bahagian kulit buku yang terdapat pada manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 berbeza dengan hiasan seni ragam hias. Pola adalah berbentuk karya kesenian yang umumnya diulang-ulang sesuatu motif yang ditempatkan secara teratur pada jarak-jarak tertentu. Sebagai fokus utama, kajian ini memperlihatkan elemen-elemen penting yang menjadi hiasan kulit buku di bahagian muka hadapan dan belakang. Perbincangan ini bertujuan untuk mengaitkan penemuan dengan objektif kajian serta pemahaman berkaitan dengan elemen-elemen penting dalam hiasan pola reka bentuk luaran kulit buku. Justeru, pola reka bentuk luaran kulit buku adalah ciri-ciri hiasan penting dan menjadi asas hiasan dalam manuskrip. Ini kerana hiasan ini menjadi satu kewajipan utama dalam usaha menghiasi sesuatu kulit buku manuskrip. Tujuan hiasan dihasilkan pada pola reka bentuk luaran kulit buku ini dapat memberi gambaran tentang taraf kedudukan individu dalam masyarakat dan kearifan dari pelbagai disiplin ilmu dari artisan yang menghasilkan manuskrip ini.

Berdasarkan kajian yang dilakukan terdapat beberapa klasifikasi yang menyumbang kepada pemilihan karya seni pada pola reka bentuk luaran kulit buku manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713. Ciri pertama yang menjadi fokus utama pilihan artisan adalah penggunaan kulit binatang yang dicelup perwarna merah yang menjadi pembalut kulit buku manuskrip. Antara keindahan lain yang terdapat pada pola reka bentuk luaran manuskrip adalah merujuk kepada hiasan reka bentuk ruang segi empat tepat dan menegak, margin sebagai sempadan, bingkai yang mempunyai hiasan yang bersimetri kiri dan kanan. Keindahan mewah pada pola reka bentuk, tertumpu kepada penggunaan *gold stamping* atau *rolls stamping*. Antara keunikan lain yang menjadi penyeri hiasan kulit buku luaran adalah penggunaan kulit binatang seperti kulit kambing sebagai asas hiasan penjilidan.

Tembaga *gold stamping* atau *rolls stamping* dibakar dan ditekap dengan perada emas *gold leaf* ke atas permukaan kulit binatang untuk membentuk kesan timbul ornamen dan kesan timbul ornamen ini dipenuhi dengan motif tumbuhan yang dikenal pasti sebagai sulur bayung. Keindahan imej timbul pada motif sulur bayung memenuhi keseluruhan dalam ruang yang menghiasi pola reka bentuk luaran ini pada bahagian bingkai, hiasan loket (*pendant*), hiasan ukiran pada bahagian sudut (*four corner-piece*) dan pingat *medallion*. Kekemasan pada pola reka bentuk kelihatan tersusun dan bersih.

Kajian ini mendedahkan beberapa ciri-ciri utama yang berkaitan dengan penjilidan dalam manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713. (Rajah 3) menunjukkan pola reka bentuk luaran kulit buku manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713.




RAJAH 3. Muka hadapan manuskrip Hikayat Hang Tuah (MSS: 1713)
Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia

Oleh itu, dengan adanya keunikan hiasan yang cantik dan menarik dari seni hiasan tekap *gold stamping* atau *rolls stamping* dapat menarik perhatian tentang mempengaruhi gaya teknologi dan budaya yang lain dalam manuskrip di alam Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pola reka bentuk luaran kulit buku yang menjadi asas dalam hiasan yang telah menemui dalam manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713.

Sementara itu, analisis dibuat berpandukan lakaran berserta label untuk aspek hiasan pola reka bentuk luaran kulit buku. Analisis yang dibuat ke atas pola reka bentuk luaran kulit buku manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 yang melibatkan elemen pola reka bentuk, jenis pola dan kedudukan pola tersebut. Terdapat elemen-elemen penting dalam hiasan pola reka bentuk luaran kulit buku manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713, di antaranya di bahagian kulit

hadapan dan belakang mempunyai *gold stamping* atau *rolls stamping* yang ditekap dengan perada emas *gold leaf* ke atas permukaan kulit binatang untuk membentuk kesan timbul ornamen.

Elemen penting yang menjadi asas hiasan pola reka bentuk luaran kulit buku, iaitu sempadan (*border*), bingkai (*frame*), dua loket (*two sets of pendant*), pingat *medallion* dibahagian tengah berbentuk badam (*almond shaped central medallion*), dua set loket (*two sets of pendants*), dua loket mendatar dan dua paksi menegak (*two horizontal and two vertical axis pendants*) dan empat ukiran bahagian sudut (*four corner-piece*) adalah penting untuk hiasan iluminasi kulit buku muka hadapan dan belakang. (Rajah 4) menunjukkan lakaran hiasan yang disusun kemas dalam pola reka bentuk kulit buku muka hadapan manuskrip.



RAJAH 4. Lakaran hiasan susunan dalam kulit buku muka hadapan

DALAMAN FOLIO: SENI RAGAM HIAS

Menurut Amir (2021) menyatakan bahawa teks dalaman ialah aspek berkaitan dengan pembinaan sesebuah karya sastera seperti estetik, imaginasi dan ilusi. Dalam kajian ini, aspek penting diketengahkan bagi mengklasifikasikan hikayat manuskrip, iaitu motif tumbuhan dalam seni ragam hias.

Seni ragam hias merupakan hiasan dalam karya seni yang diambil pada motif tumbuhan, geometri dan abstrak. Ornamen yang boleh diolah menjadi pelbagai motif ragam dan kebiasaannya karya membentuk satu unit budaya yang memaparkan keadaan waktu terdahulu. Di Alam Melayu motif ragam hias memiliki banyak variasi tertentu ini yang kebanyakan diterap dalam motif pakaian batik, tembaga, kayu dan tembikar.


Berdasarkan penelitian kajian ini, pelbagai seni ragam hias yang dihasilkan dalam manuskrip ini merupakan keperluan dalam menghiasi kekosongan dalam bahagian rekaletak. Setiap ragam hias mempunyai bahagian kedudukan motif ragam hias yang khusus dan memainkan peranan penting sebagai karya seni yang mempunyai makna simbolik yang tersendiri. Dalam tujuan hiasan, pelbagai jenis variasi seperti pelbagai motif tumbuhan seperti sulur, daun, bunga dan pucuk pokok, geometri dan abstrak disusun rapi dan sistematik bagi menjadikan satu identiti yang melambangkan budaya di wilayah tertentu.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pada seni motif ragam hias yang ada pada Alam Melayu ini seperti, motif-motif dari sumber alam semulajadi melibatkan pembentukan

mengikut rupa yang asal, ekspresi seni pada gaya motif abstrak atau geometri diolah mengikut kesesuaian kreativiti dan daya imaginasi, pembentukan motif flora menunjukkan pengaruh penting di sesuatu petempatan masyarakat serta pembentukan motif mempunyai makna tertentu atau simbolik kepada masyarakat di sesuatu daerah.

Antara lain faktor hiasan, hiasan pada manuskrip ini dihias dengan setiap ruang dan penjuru. Motif ragam hias mengikut ciri-ciri khusus budaya tempatan yang mempengaruhi pelbagai bentuk, pola, motif, warna dan bahan hiasan (iluminasi). Unsur-unsur yang digayakan dalam adat budaya tempatan menjadi serapan dalam motif dan setiap motif mempunyai ciri khas yang tersendiri yang memaparkan perbezaan antara setiap wilayah.

Menerusi kajian ini, helaian pembukaan halaman hadapan sebagai asas dalam kajian ini bagi menunjukkan kedudukan rekaletak motif dalam seni ragam hias dalam Hikayat Hang Tuah MSS 1713. Antara ciri-ciri reka bentuk fizikal hikayat manuskrip ini mempunyai saiz ukuran folio, iaitu 33.5 sentimeter tinggi, 21.5 sentimeter tinggi dan 4 sentimeter tebal. Mempunyai ukuran ruang teks ialah 18.5 sentimeter x 13.2 sentimeter.



RAJAH 5. Iluminasi menunjukkan gubahan unsur geometri dan alam semula jadi dalam halaman pembukaan manuskrip
Sumber: Hikayat Hang Tuah (MSS: 1713) PNM. Koleksi sumber Perpustakaan Negara Malaysia, Arba'iyah, (2018) dan Perbadanan Kemajuan Warisan Melayu, (2009)

Motif gubahan ragam hias dalam Rajah 5, digunakan mempunyai motif sulur, geometri, motif renek mekar dan putik bunga yang digabungkan membentuk lukisan landskap taman pada halaman pembukaan manuskrip Hikayat Hang Tuah (MSS: 1713). Halaman ini berkaitan dengan penerapan hubungan berbentuk naturalistik antara motif dengan unsur alam yang berkaitan dengan tradisi Melayu. Justeru, pelbagai unsur hiasan termasuk tumbuh-tumbuhan, abstrak, geometri dan warna menjadi inspirasi utama kepada tukang seni di Alam Melayu untuk hiasan bahagian penting pada halaman pembukaan. Menurut Mohd Zul et al. (2023) tumbuh-tumbuhan dan pelbagai bahan alam semula jadi di sekitar kita dapat digunakan sebagai ubat dan bahan rawatan atau ramuan bagi menawar atau mengubati pelbagai jenis penyakit sama ada pada jasmani dan rohani pesakit. Jelaslah, penggunaan tumbuh-tumbuhan penting dalam amalan kehidupan seharian.

Hiasan motif ragam hias merupakan bahagian asas sebelum bermula sesuatu penulisan. Dalam tradisi yang turun menurun dalam penghasilan seni ragam hias pelbagai corak tumbuhan dan motif lain menghiasi ruang folio. Kajian ini menunjukkan hasil dengan memerhatikan motif ragam hias yang berasa ilham dari alam semula jadi dari kawasan penempatan sekeliling. Berikut adalah senarai motif yang digunakan dalam seni ragam hias (Jadual 2).

JADUAL 2. Motif Seni Ragam Hias

Jenis motif	Simbolik	Kepentingan
Empat kepingan sudut berbentuk <i>quatrefoil</i> (ukiran kayu)	Bentuk buah seperti buah cermai (<i>Phyllanthus acidus</i>) atau motif empat daun seperti daun semanggi.	Tumbuhan kecil ditemui tumbuh merebak secara liar di padang. Dikenali sebagai permaidani berdaun kecil dan mempunyai khasiat perubatan.
Empat pedal/ sepal bunga kecil (kain songket tenun)	Bunga cengkih (<i>Clove</i>); bunga pecah periuk (<i>Ixora coccinea</i>); bunga siantan atau jenjarum (<i>West Indian jasmine</i>); setawar bunga (<i>Kalanchoe blossfeldiana</i>).	Tumbuhan hiasan, warna dan bentuk bunga yang menarik serta mempunyai khasiat perubatan.
Empat tampuk bunga kecil (kain songket tenun)	Tampuk buah kesemak atau buah pisang kaki (<i>Persimmon</i>) atau tampuk manggis (<i>Mangosteen</i>).	Buahan tempatan mempunyai fungsi sebagai pewarna semulajadi.
Daun berbentuk tiga atau daun berbentuk <i>trifoliate</i> (ukiran kayu)	Pokok letup-letup atau pokok ulat bulu (<i>Passiflora foetida</i>) atau pokok bayam peraksi (<i>Emilia sonchifolia</i>).	Tumbuhan liar yang menyerupai buah tomato kecil dan mempunyai pelbagai khasiat perubatan dalam perubatan Melayu dan Cina.
Sulur bayung <i>Interweaving vine scroll</i> (ukiran kayu)	Daun bercabang dan batangnya yang menjalar, menggulung, memanjat dan berpaut pada yang dipanjat.	Tumbuhan tanaman hiasan, sifat menjalar menjadi sumber ilham pada artisan.
Punca bunga <i>arabesque</i> (<i>bifurcating leaf</i>) (ukiran kayu)	Sebuah hiasan atau gaya seni berulang yang menggunakan corak garis berirama yang melengkung, saling bertautan dedaunan dan sulur. Motif disusun dengan cara yang mewujudkan ciri-ciri pola aliran, pergerakan bentuk simetri dan berdasarkan prinsip matematik. Reka bentuk <i>arabesque</i> ini menggabungkan bentuk bunga dan tumbuhan.	Tumbuhan hiasan mempunyai punca bunga di bahagian tengah dan sifat dahan dedaun menjalar menjadi sumber inspirasi artisan
Geometri berbentuk rombus atau berlian (bentuk pencuci mulut tradisional Pantai Timur (kuih wajik), motif tenunan Songket dan pending)	Ruang hiasan berbentuk rombus di ruang tengah dalam istilah Melayu dikenali sebagai “potongan wajik” yang kebanyakannya digunakan sebagai bingkai untuk mengisi teks.	Bentuk yang unik inspirasi dari kuih tradisional dan hiasan pada wanita. Selain itu bentuk sesuai dijadikan olahan motif

Berdasarkan penelitian motif ragam hias pada manuskrip Hikayat Hang Tuah (MSS: 1713) dihasilkan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan yang di ilhamkan berdasarkan persekitaran rumah. Walaupun terdapat perubahan pada motif-motif yang disebabkan oleh proses salinan atau modifikasi bentuk namun, motif-motif ini masih mengekalkan bentuk identiti asal tumbuhan seperti penggunaan warna untuk menunjukkan asal tumbuhan dan perubahan ciri-ciri bentuk tumbuhan tidak ketara. Berdasarkan penelitian kajian ini, kriteria utama yang menyumbang kepada pemilihan motif tumbuhan dalam seni penjilidan ialah pemilihan berdasarkan keistimewaan yang ada pada tumbuhan tersebut, seperti bentuk, simbolik, warna, fungsi, khasiat dan kegunaan harian. Ciri-ciri keistimewaannya yang terdapat pada kepelbagaian bentuk tumbuhan menjadi pilihan artisan untuk menterjemahkan ciri keistimewaan tersebut kepada hasil seni karya yang menunjukkan kaitan dengan orang Melayu. Perubahan pada elemen-elemen tumbuhan menjadi satu pola atau motif yang unik dan menarik perhatian.

Selain itu, dalam hiasan ragam hias mempunyai warna yang memainkan peranan penting. Kombinasi warna yang terdapat di dalam manuskrip ini membentuk satu makna simbolik yang digunakan oleh artisan untuk melambangkan masyarakat Melayu. Warna melambang nilai-nilai tradisi penting dalam adat Melayu, agama Islam, kedaulatan raja dan bangsa Melayu. Antaranya, warna hijau menunjukkan agama Islam dan kedamaian, warna kuning berkaitan dengan kesultanan Melayu dan kekuatan, warna merah menunjukkan keberanian, pahlawan dan kesetiaan, biru melambangkan ketenangan serta warna putih melambangkan keharmonian dan keseimbangan dalam penyatuan masyarakat. Warna-warna yang digunakan pada bahagian hiasan ragam hias dalam manuskrip Hikayat Hang Tuah (MSS: 1713) dikenal pasti adalah biru, hijau, merah, kuning dan putih serta mempunyai perada emas sebagai hiasan iluminasi yang agak sederhana terang.

Antara keindahan lain yang menghiasi seni ragam hias adalah kaligrafinya menggunakan jenis tulisan *Naskh*. Sementara itu, keunikan lain yang terdapat dalam halaman hikayat manuskrip ini adalah hiasan petak berbentuk rombus dalam bentuk ruang tengah yang dipanggil "*potongan wajik*". Menurut Norwani (1989) ia digunakan terutamanya untuk mengisi teks untuk memperkenalkan pengarang atau kolofon. Hikayat manuskrip ini mempunyai hiasan iluminasi berbentuk "*potongan wajik*" dan catatan pada pembukaan halaman pertama yang bertulis;

"Ini Hikayat Hang Tuah yang amat setiawan pada Tuannya dan terlalu sangat berbuat kebaktian kepada tuannya".




Dari sudut pandangan Gallop dan Ali (2012) menyatakan bahawa terutamanya di wilayah Asia Tenggara yang utama, halaman atau permulaan al-Qur'an, biasanya Surah *al-Fātihah* yang tersusun merentasi dua halaman pembukaan hanya berisi teks yang disajikan dalam bentuk berlian pada kedua halaman. Pelbagai proses seni yang menarik dipamerkan di dalam penampilan rekaan bentuk penjilidan manuskrip. pembentukan penjilidan dapat mencungkil segala hubung-kait dengan motif alam semula jadi, *weltanschauung*, dielak bahasa, aksara Jawi, secara dasarnya ia menunjukkan identiti individu di tempat yang tertentu. Menurut Wan Robiah dan Chong (2023) dalam sosial masyarakat pula, perkembangan bahasa ditentukan oleh kreativiti penuturnya yang menginovasikan sesuatu kata dan ini berlaku secara alamiah.

Oleh yang demikian, manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 tidak lagi hanya sekadar catatan bahan tulisan tetapi ia digambarkan sebagai ciptaan karya seni estetika yang mempengaruhi seni budaya tempatan dengan memaparkan corak, ilustrasi, simbol dan warna, tulisan dan visual seni hias pada kulit buku. Tetapi juga, diketengahkan hias reka bentuk penjilidan yang mewah dibalut dengan kulit haiwan berwarna merah dan dihiasi hiasan berperada emas pada di luaran dan pada iluminasi manuskrip. Dengan adanya manuskrip ini, dapat membuktikan bahawa masyarakat Melayu terdahulu mempunyai kaca mata menerusi daya pemikiran yang

tinggi, kebijaksanaan berhubung dengan alam persekitaran, dan kemahiran pelbagai ilmu menerusi kreativiti dalam menghasilkan kesenian manuskrip. Kesenian dapat dilihat menerusi makna-makna yang tersirat dan tersurat melalui karya seni hias yang dilakar dalam gaya reka bentuk hiasan dalaman dan luaran. Menerusi hikayat manuskrip ini juga dapat diekspresi melalui budaya, adat, kepercayaan, nilai-nilai dan tradisi yang mencerminkan kehidupan individu mahupun di dalam epistemologi kelompok masyarakat setempat.

GAYA HIASAN PENGIKAT HIKAYAT HANG TUAH, MUSHAF DAN MANUSKRIP AL-QURAN

Kajian ini tertumpu kepada analisis persamaan kedudukan di dalam penyusunan reka letak bagi gaya reka bentuk hiasan kulit buku di bahagian luaran kulit buku di mana perbezaan antara manuskrip Hikayat Hang Tuah (MSS: 1713) sumber dari Perpustakaan Negara Malaysia, judul buku Mushaf Palembang, Indonesia pada tahun 1845 M/1261 H oleh KMS. H. Andi Syarifuddin dan manuskrip Quran IAMM (1998.1.3444) lembaran 98, sumber dari *Islamic Arts Museum Malaysia* (Rajah 6).

Source	The front cover binding	Type of pattern of decorative cop arrangement
Hikayat Hang Tuah manuscript East Coast of The Malay Peninsula 1865 AD / 1282 AH MSS:1713 Source of Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur Malaysia.		
Mushaf Palembang 1845 AD / 1261 AH KMS. H. Andi Syarifuddin Source of Mushaf- Mushaf Kuno Di Palembang, Indonesia.		
Qur'an East Coast of The Malay Peninsula 13 th /19 th century IAMM 1998.1.3444 Source of Islamic Arts Museum, Kuala Lumpur Malaysia.		

RAJAH 6. Mempamerkan ciri-ciri gaya hiasan reka bentuk dalam manuskrip dan naskhah Melayu.

Sumber: Perpustakaan Islamic Arts Museum Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia dan Ros Mahwati, (2015)

Susunan reka letak di dalam manuskrip memainkan peranan penting bagi menonjolkan keindahan dan keunikan karya seni yang merujuk kepada kearifan, keintelektualan dan kesenian bagi masyarakat setempat khususnya. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa penampilan di bahagian hadapan kulit buku bagi dua buah manuskrip dan mushaf mempunyai persamaan di dalam komposisi hiasan reka bentuk iaitu format reka letaknya dalam bentuk segi empat tepat dan menegak serta mempunyai simetri imbalan dalam komposisi motif, corak dan bingkai.

Perbezaan antara dua buah manuskrip dan mushaf ialah manuskrip Hikayat Hang Tuah (MSS: 1713) mempunyai tambahan hiasan motif di bahagian *fore-edge flap*, *front* dan *enveloped flap*. Di bahagian kulit haiwan yang dicelup warna merah tua dan dihias dengan teknik teraan atau cop emas yang mempunyai gaya corak dan reka bentuk dari Alam Melayu. Manakala, mushaf Palembang dan manuskrip Quran IAMM (1998.1.3444) tidak mempunyai *fore-edge flap* dan *enveloped flap*, tetapi di bahagian hadapan kulit buku dibaluti dengan kulit haiwan yang dicelup warna merah tua dan dihias dengan teknik teraan atau cop emas mencontohi gaya corak dan reka bentuk dari Alam Melayu.

Berdasarkan penelitian dua jenis manuskrip berperada emas *gold leaf*, Hikayat Hang Tuah (MSS: 1713) mempunyai corak cop emas (berperada emas *gold leaf*) yang berwarna pudar tetapi manuskrip Quran IAMM (1998.1.3444) mempunyai cop emas (berperada emas *gold leaf*) yang berwarna kekuningan yang terang. Hiasan keemasan ini dihias pada kulit buku berwarna merah tua yang menggunakan kertas emas (berperada emas *gold leaf*) melalui teknik teraan atau cop emas yang diwarisi dari warisan tradisi yang dimiliki oleh masyarakat Melayu di Alam Melayu. Penggunaan kertas emas (berperada emas *gold leaf*) ini bagi menunjukkan hiasan mewah dan kekayaan untuk mengangkat warisan Islam.

Kebiasaan dalam manuskrip lama, bingkai adalah salah satu elemen penting dalam hiasan seni manuskrip. Menerusi ketiga-tiga gaya reka letak hiasan luaran kulit, iaitu di bahagian kulit *front* dan *back* manuskrip, bingkai juga dipenuhi dengan hiasan motif yang memenuhi dalam Jaluran bingkai. Selain itu, penampilan satu bingkai besar ini dihias juga dengan kumpulan motif seperti empat hiasan sudut 'L', hiasan loket kecil berbentuk pucuk pada kedua-dua paksi menegak dan mendatar dan hiasan tengah berbentuk bujur atau pending serta tepi bergerigi.

Setiap manuskrip mempamerkan kesenian reka bentuk dan gaya yang tersendiri dalam penghasilan kulit buku dari masyarakat tempatan atau Nusantara. Dengan kata lain, penggunaan kulit haiwan sebagai pembalut kulit buku merupakan pilihan mewah dari tempahan golongan raja, bangsawan atau sebagai hantaran untuk hubungan diplomatik. Selain itu, corak dan reka bentuk hiasan menunjukkan pengaruh yang besar yang bermula dan hubungan diplomatik semasa era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Melalui pendekatan manuskrip dari tempatan dan Nusantara telah dikumpulkan oleh pengkaji illuminasi seperti (Gallop 2005; Dzul Haimi 2007; Rukanci dan Anameric 2012; Ros Mahwati 2015).

Oleh itu, ciri-ciri yang diketengahkan dari ketiga-tiga gaya reka bentuk hiasan manuskrip adalah satu kewajipan dan sangat penting untuk menunjukkan taraf masyarakat dari sesebuah tempat. Penyusunan gaya reka bentuk hiasan yang dihasilkan dapat membezakan taraf kehidupan dalam masyarakat yang menggambarkan kearifan ilmuwan dalam pelbagai disiplin yang mencungkil kebijaksanaan masyarakat Melayu setempat.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti seni penjilidan manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Pada zaman masa kini, masih ramai yang belum mengenali ciri-ciri dalam pola reka bentuk hiasan luaran kulit buku, istilah penjilidan dan pada dalaman folio, seni ragam hias yang digunakan di dalam manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713. Kesukaran disebabkan tidak ada kesinambungan pelapis yang mahir, untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kodikologi ini, dapat memberi gambaran fizikal dan sejarah dari segi penampilan luaran kulit buku, penjilidan, istilah dan dalaman folio, seni ragam hias. Dengan adanya kajian ini dapat memberi gambaran serta penambahan dalam bentuk ilmiah untuk menjadi rujukan kepada generasi terkini.

Kebanyakan manuskrip di Alam Melayu menggambarkan tradisi nilai-nilai Islam dari sudut bahasa, kebudayaan dan kesenian yang tersendiri. Di antaranya, manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 yang merupakan seni karya menjadi asas ikatan antara agama, pemimpin dan masyarakat tempatan. Seni penjilidan ini memperlihatkan satu kaedah yang digunakan untuk memelihara manuskrip supaya catatan lengkap sistematik, kemas, bersih, indah dan tersusun rapi. Selain itu, seni penjilidan juga dikaitkan dengan pemahaman seni yang mendalam tentang konteks alam flora dan fauna, membuktikan bahawa tradisi seni artisan penjilidan mewujudkan perpaduan kaum yang dipupuk melalui aktiviti pemerhatian serta kebijaksanaan masyarakat setempat terhadap alam sekelilingnya yang memerlukan setiap kepakaran artisan mengambil bahagian dalam aktiviti penghasilan penjilidan manuskrip.

Kehidupan masyarakat Melayu yang berlatar belakangkan suasana persekitaran alam semula jadi yang menjadi sumber inspirasi artisan dalam menghasilkan visual motif hiasan dalam manuskrip Alam Melayu. Motif tumbuhan yang digunakan secara inovatif dan kreatif dalam kesenian penjilidan manuskrip Melayu membuktikan bahawa kepentingan dan hubungan artisan dengan alam semula jadi di persekitaran kawasan penempatan. Secara dasarnya manuskrip hikayat ini ialah hasil penulisan tangan dalam aksara jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa penutur, ia direka bentuk dalam naskhah dan kuras serta disusun kemas dan teratur. Selain itu, manuskrip hikayat ini bukan sahaja mengandungi kandungan sejarah ketamadunan masyarakat berilmu pengetahuan dari segi kesenian penjilidan. Dengan kreativiti dan kemahiran yang ditonjolkan dalam reka bentuk penjilidan dan penghasilan reka corak dapat memberi penjelasan tentang pengaruh budaya dan warisan yang diwarisi turun menurun. Di sebalik cabaran kehilangan warisan kepakaran dalam bidang seni penjilidan manuskrip, ternyata kajian ini berjaya mengolah keistimewaan kearifan artisan dalam manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713. Sumbangan utama kajian ini memberikan signifikan kepada pembangunan sosial dan kebangsaan untuk memperlihatkan tradisi penghasilan manuskrip Hikayat Hang Tuah MSS 1713 ini sebagai artifak khazanah warisan budaya tempatan yang mempunyai nilai kesenian yang halus dari gabungan seni pengaruh budaya luar, gaya mewah, daya intelektual artisan, kecekapan ilmu sains dan teknologi, seni estetika atau ekspresi kreatif yang membezakan daripada seni hiasan atau seni gunaan dan kewujudan gabungan simbolik dalam falsafah kesenian manuskrip Melayu.

PENGHARGAAN

Penghargaan diucapkan kepada perpustakaan negara Malaysia dan muzium kesenian Islam Malaysia diatas kerjasama yg diberikan untuk akses kepada manuskrip.

RUJUKAN

- Adam Gacek. 2009. *Arabic Manuscripts*. Leiden. Brill.
- Arba'iyah Ab. Aziz. 2018. *Simbolisme Dalam Motif Songket Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2013). *The Encyclopedia of Malaysia: Language and Literature, Vol 9*. Archipelago Press.
- Amir Zakiy Hamzah, N. A. V. A. & C. A. C. Y. (2021). *Sejarah Tempatan Sebagai Subjek Novel Melayu Mutakhir*. Akademika, 91(2), 93–104. <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9102-08>
- Annabel Gallop & Ali Akbar. 2006. *The Art of the Qur'an in Banten: Calligraphy and Illumination*. Archipel, 72 (1), 95–156. <https://doi.org/10.3406/arch.2006.4028>
- Annabel Teh Gallop dan Ali Akbar. 2012. *The Art of the Qur'an in Java*. 72 (November 2008), 22–24.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman; Aidil Farina Omar & Roziah Sidik@Mat Sidek. (2021). *Sumber Historiografi Al-Attas dalam Pentafsiran Sejarah Kedatangan dan Penyebaran Islam Di Alam Melayu*. 48(April), 151–174.
- Duncan Haldane. 1983. *Islamic Bookbindings in the Victoria and Albert Museum*. London. World of Islam Festival Trust in association with The Victoria and Albert Museum.
- Dzul Haimi Md. Zain. 2007. *Ragam Hias al-Qur'an di Alam Melayu*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Gallop, A. T. 2004. *an Acehnese- Style of Manuscript Illumination*. In Archipel (Vol. 68, pp. 193–240).
- Gallop, A. T. 2005. *The Spirit of Langkasuka? Illuminated Manuscripts from the East Coast of the Malay Peninsula*. Indonesia and the Malay World, 33(96), 113–182. <https://doi.org/10.1080/13639810500282417>
- Haslindawati Saari. (2022). *Surat Raja-Raja (SRR), Surat Undang-Undang (SUU) dan Pensejarahan Negeri Kedah, 1882-1911*. 49(April), 135–160.
- Islamic Arts Museum Malaysia. 2017. *Islamic Bookbinding*. Kuala Lumpur. Islamic Arts Museum Malaysia.
- Kamal Hassan, G. B. B. 1998. *The Encyclopedia of Malaysia: Religions and beliefs*. Kuala Lumpur. Archipelago Press.
- Karin Scheper. (2015). *The Technique of Islamic Bookbinding: Methods, Materials and Regional Varieties*. Leiden. Brill.
- Mahayudin Haji Yahya. (2004). *Tamadun Islam*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mandana Barkeshli. (2000). *Nur Al-Quran: The Light of Qur'an*. Kuala Lumpur. Islamic Arts Museum Malaysia.
- Mirjam M. Foot. (2006). *Bookbinders at Work*. London. The British Library dan Oak Knoll Press.
- Mohd Affendi Mohd Shafri. (2021). *Panduan Mengkaji Manuskrip Perubatan Melayu*. Kajang. Akademi Jawi Malaysia.
- Mohd Zul Amirul Izwan Mat Deraseh, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, W. N. B. W. A. & M. Q. B. T. (2023). *Penggunaan Buah-Buahan dan Daun-Daunan sebagai Bahan Pencuci Alamiah dalam Perubatan Tradisional Melayu*. Akademika, 93(03), 225–236. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-17>
- Muhd Norizam Jamian, M. I. W. H. & A. S. T. (2023). *Imej Isteri Misali dalam Hikayat Melayu-Islam : Penerapan Metode Dakwah melalui Teori Pengkaedahan Melayu The Image of*

- Pious Wife in the Malay Islamic Hikayat* : 93(1), 237–250.
- Norwani Mohd. Nawawi. (1989). *Songket Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perbadanan Kemajuan Warisan Melayu. (2009). *Ukiran Kayu Warisan Melayu*. Kuala Lumpur. Perbadanan Kemajuan Warisan Melayu.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2002). *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2019). *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Plomp, M. (2013). *Traditional Bookbindings from Indonesia; Materials and Decorations*. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde / Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, 149(3), 571–592. <https://doi.org/10.1163/22134379-90003121>
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Zuliskandar Ramli. (2016). *Analisis Hiasan Kulit Jilid Al-Qur'an Kulit Merah Pantai Timur Sebelum Abad Ke-20 Masihi*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu (PAPAM). *September*, 16–20.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria and Zuliskandar Ramli. (2016). *Physical Analysis of the 19th Century AD East Coast Red Quran Bindings*. *Mediterranean Journal of Social Sciences MC SER Publishing*, 7(4), 2039–9340. <https://doi.org/10.5901/mjss.2016.v7n4p>
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Z. R. & N. H. S. N. A. R. (2015). *Jilid al-Qur'an Patani abad ke-19 masihi: Warisan Kearifan Tempatan Islam Patani*. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-4 Arkeologi, Sejarah Dan Budaya Di Alam Melayu, July 2016.
- Rukanci, F., & Anameric, H. (2012). *The Art of Bookbinding in the Ottoman Empire (Fifteenth to Nineteenth Centuries)*. *Toruńskie Studia Bibliologiczne*, 5(2 (9)), 9–28. <https://doi.org/10.12775/tsb.2012.016>
- Shahidi A.h., Rahim Aman, R. I. & M. S. S. (2022). *Pola Pemikiran Masyarakat Kepulauan Malaysia Berkaitan Kebudayaan Kebangsaan*. *Akademika*, 92(3), 211–223. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-16>
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. (2022). *Pendekatan Sejarah Lokal dan Kepentingannya dalam Pensejarahan Malaysia*. *Akademika*, 92(3), 199–209. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-15>
- Shahidi A.h; Rahim Aman, R. I. & M. S. S. (2022). *Pola Pemikiran Masyarakat Kepulauan Malaysia Berkaitan Kebudayaan Kebangsaan*. *Akademika*, 92(3), 211–223. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-16>
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. (2022). *Pendekatan Sejarah Lokal dan Kepentingannya dalam Pensejarahan Malaysia*. *Akademika*, 92(3), 199–209. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9203-15>
- Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar & Mohd Anuar Ramli. (2021). *Sejarah Ahl Al-Bayt Hadhrami Di Pahang: Salasilah dan Sumbangan*. 48(December), 1–42.
- Wan Robiah Hj. Meor Osman & Chong Shin. (2023). *Kedinamikan Bahasa Melayu di Ambang Perkembangan Media dalam Talian dari Perspektif Perubahan Makna*. *Akademika*, 93(1), 277–292. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9301-20>
- Syed Muhammad Naquid at-Attas. (2011). *Historical Fact and Fiction*. Johor Baharu. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Wan Ali Wan Mamat. (1988). *Pemuliharaan Buku dan Manuskrip*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ali Wan Mamat. (2014). *An Introduction to Malay Manuscript*. Gombak. IIUM Press.

Azlini Anuar Tan (Penulis koresponden)
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Email: azi00@yahoo.com

Hanifah Mahat
Jabatan Geografi & Alam Sekitar
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Email: hanifah.mahat@fsk.upsi.edu

Zuliskandar Ramli
Felo Penyelidik Kanan Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bandar Baru Bangi 43600, Selangor, Malaysia
Email: ziskandar@ukm.edu.my